

# Pengurus pusat hiburan didenda kerana beroperasi lebih masa

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM2,000 atau sebulan penjara terhadap seorang pengurus pusat hiburan yang mengaku bersalah menjalankan operasi premis lebih masa.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Zaiton Anuar terhadap Easpheren Velappanaikar, 29, yang didakwa mengikut Seksyen 24 Ordinan Hiburan 2001 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 28 yang sama.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman denda sehingga RM2,000 atau penjara maksimum enam bulan, atau kedua-duanya.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut di pusat hiburan (pub/karaoke) tempat dia bekerja di Jalan Petanak di sini, sekitar jam 3.20 pagi pada 30 Oktober lalu.

Berdasarkan fakta kes, pihak polis yang melaku-

kan Ops Noda-Pusat Hiburan membuat serbuan dan pemeriksaan ke atas premis tersebut pada hari kejadian.

Hasil siasatan polis mendapat tertuduh telah melakukan kesalahan dengan menjalankan operasi premis lebih daripada waktu yang ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS).

Untuk rekod, premis hiburan (pub/karaoke) hanya dibenarkan beroperasi dari jam 12 tengah hari hingga 2.30 pagi (Isnin hingga Ahad).

Dalam pada itu, beberapa barang turut dirampas dalam serbuan tersebut, antaranya sebuah komputer riba, peralatan DJ dan pem besar suara.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang manakala tertuduh tidak diwakili peg uam.